

Ṣalāḥ al-Dīn al-Ayyūbiyy

diterjemahkan oleh: Abdullah Basmeh

Ṣalāḥ al-Dīn al-Ayyūbiyy, perwira Islam yang terbilang, amatlah masyhur sejarah perjuangannya di Timur dan Barat.

Kepada orang-orang Barat, Ṣalāḥ al-Dīn (atau “Saladin” menurut pelat lidah mereka) terkenal sebagai seorang pahlawan Islam yang telah berjaya menangkis serangan mereka (orang-orang Kristian atau kaum Salib) yang telah bersatu padu dari beberapa kerajaan di benua Eropah – termasuk Inggeris dan Perancis – lalu melanggar “Dunia Islam” dengan tujuan hendak merampas Baitul Muqaddis (Jerusalem atau Yerushalyim¹) tanah suci itu, dan hendak memusnahkan Islam dari akar umbinya sekali.

Kejayaan Ṣalāḥ al-Dīn yang cemerlang itu, dapat ditatap dalam riwayat yang bersejarah ini.

Kepada orang-orang Timur pula, banyak kitab-kitab *Tawārikh* Islam dan cerita-cerita roman sejarah yang memperikan perjuangannya. Di antaranya ialah roman sejarah “Ṣalāḥ al-Dīn al-Ayyūbiyy” ini karangan pujangga Arab yang terkenal: Jurji Zaydan².

Karangannya indah dan menarik. Keindahan buah kalam Jurji Zaydan telah digambarkan oleh Dr. Taha Hussein dalam kata-kata sambutannya seperti berikut:

“Kesan daripada buah pena Jurji Zaydan, pengasas majalah “*al-Hilāl*” itu amatlah besar kepada kesusasteraan dan perpustakaan Arab zaman ini.

“...saya rakamkan di sini bahawa alirannya itu sesungguhnya mengandungi jiwa yang memperhidupkan *Tawārikh* Islam dan kebudayaannya.

“Saya tidak lupa kepada peristiwa semasa saya kecil lalu ke masa muda, apabila saya mulai membaca akan salah satu daripada riwayat-riwayat buah kalam Jurji Zaydan yang bersejarah itu, pantang ditatap sahaja sudah tertawan....sehingga meruntun jiwa saya kepada berfikir. Dengan menghabiskan masa yang lanjut.”

Cetakan yang kedua – 4 penggal tamat – sepenggal \$1.00, penggal keempat 50 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

QALAM, Singapura



¹ http://en.wikipedia.org/wiki/Names_of_Jerusalem

² http://en.wikipedia.org/wiki/Jurji_Zaydan